



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN  
**KOD KURSUS** : DSM 2083  
**PEPERIKSAAN** : NOVEMBER 2017  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan aneka pilihan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Undang-undang subsidiari yang juga dikenali sebagai undang-undang perwakilan terdiri daripada\_\_\_\_\_ .  
**A** akta, ordinan dan enakmen  
**B** bil kerajaan, bil swasta dan bil hybrid  
**C** pengisytiharan, peraturan, arahan, pemberitahuan dan undang-undang kecil  
**D** *precedent, ratio decidendi dan obiter dicta*
  
2. Sumber undang-undang tidak bertulis terdiri daripada\_\_\_\_\_ .  
**A** undang-undang Islam, undang-undang subsidiary dan perundangan  
**B** perlembagaan, undang-undang Inggeris dan keputusan kehakiman  
**C** perundangan, undang-undang subsidiary dan undang-undang adat  
**D** undang-undang Inggeris, undang-undang adat dan keputusan kehakiman
  
3. Yang manakah daripada berikut **BUKAN** sejenis Tawaran?  
**A** Ali bertanya kepada Abu samada mahu membeli kucing Ali atau tidak  
**B** Barang-barang yang dipamerkan dipasaraya  
**C** Iklan ganjaran sebanyak RM500 untuk pemulangan seutas rantai emas  
**D** Aminah berjanji untuk menjual keretanya kepada Aishah
  
4. Elemen kontrak yang boleh dikuatkuasakan adalah\_\_\_\_\_ .  
**A** Tawaran, Penerimaan, Balasa, Niat dan Injuksi  
**B** Tawaran, Penerimaan, Balasan, Quantum Meruit dan Keupayaan  
**C** Tawaran, Penerimaan, Balasan, Niat Dan Ketentuan  
**D** Tawaran, Penerimaan, Balasan Dan Remedii

5. Kanak-kanak atau minor boleh memasuki kontrak yang sah jika mereka memasuki jenis kontrak berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A keperluan hidup  
B sewa beli kenderaan bermotor  
C insurans  
D biasiswa
6. Dorris ketika umurnya 19 tahun, telah menjual motosikalnya kepada Hudaifi dengan harga RM100, ketika beliau mabuk. Kontrak tidak terjadi diantara mereka kerana\_\_\_\_\_.
- A Dorris belum dewasa  
B Balasan tidak memadai  
C Dorris tidak waras di ketika itu  
D Terma perjanjian tidak jelas
7. \_\_\_\_\_ bermaksud, hanya pihak-pihak kepada kontrak boleh menguatkusakan hak atau tertakluk kepada obligasi atau kewajipan yang timbul di bawahnya.
- A Doktrin Nemo Dat  
B Doktrin Estoppel  
C Doktrin Quantum Meruit  
D Doktrin Priviti Kontrak
8. Semua perjanjian berikut adalah batal, **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A perjanjian yang dibuat dengan balasan yang tidak memadai  
B perjanjian mengenai sekatan profesion, perdagangan dan perniagaan yang sah  
C perjanjian yang tidak boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang  
D perjanjian yang dibuat tanpa balasan

9. Barang \_\_\_\_\_ adalah barang yang dikenal pasti dengan menggunakan perihal sahaja.

- A yang belum ditentukan
- B tertentu
- C sedia ada
- D masa hadapan

10. Prinsip Caveat Emptor menyatakan tentang\_\_\_\_\_.

- A Prinsip pemindahan hakmilik dalam barang oleh penjual bukan pemilik
- B Prinsip syarat tersirat mengenai jualan mengikut deskripsi
- C Pembeli perlu berjaga-jaga
- D Milikan aman barang

11. Di dalam kontrak agensi, prinsipal mempunyai hak yang berikut **KECUALI**

- \_\_\_\_\_.
- A permintaan untuk akaun yang betul
  - B menolak transaksi atau urusniaga yang diuruskan tanpa persetujuannya
  - C menuntut pembayaran oleh agen bagi semua jumlah wang yang diterima bagi pihak prinsipal
  - D tidak memberikan ganjaran atau upah kepada agen sekiranya sesuatu kontrak tidak dapat dilaksanakan.

12. Agensi ditamatkan oleh \_\_\_\_\_ apabila prinsipal meninggal dunia.

- A penguatkuasaan undang-undang
- B penolakan oleh agen
- C persetujuan bersama
- D pembatalan oleh prinsipal

13. Berikut adalah ciri-ciri bil pertukaran **KECUALI** \_\_\_\_\_.

- A Dialamatkan kepada seseorang yang tertentu
- B Pada satu jumlah yang tetap
- C Satu arahan bersyarat secara bertulis
- D Dibayar dalam tempoh tertentu atau pada satu masa hadapan

14. Manakah antara berikut merupakan instrumen kewangan?

- I. Cek
  - II. Bil-bil pertukaran
  - III. Nota janji hutang
  - IV. Waran saham
- A I dan II sahaja
  - B I, II dan III sahaja
  - C Semua di atas
  - D I dan III sahaja

15. Menurut Seksyen 9 (1) Akta Sewa Beli, penyewa berhak untuk mendapat maklumat tentang \_\_\_\_\_.

- I. jumlah yang telah dibayar
  - II. jumlah yang masih belum dibayar
  - III. jumlah keseluruhan yang perlu dibayar
  - IV. jumlah faedah yang terkumpul
- A I, II dan IV
  - B I dan IV
  - C I, II dan III
  - D Semua di atas

16. Sebelum memasuki perjanjian sewa beli, pemilik haruslah melakukan perkara dibawah **KECUALI** \_\_\_\_\_.

- A menyediakan kontrak perjanjian secara bertulis
- B membayar deposit kepada penyewa
- C mengarahkan penyewa untuk menandatangani perjanjian yang lengkap
- D menyediakan salinan kontrak perjanjian sewa beli kepada penyewa dan penjamin dalam masa 21 hari

17. Menurut seksyen 4 (1) Akta Insurans 1996, perniagaan insurans boleh dikelaskan kepada dua iaitu perniagaan hayat dan perniagaan \_\_\_\_\_.

- A am
- B khas
- C spesifik
- D premium

18. "Penanggung insurans berhak terhadap tiap-tiap hak pengambil insurans. Ini termasuklah hak untuk mendakwa pihak ketiga yang berkemungkinan merupakan punca sebenar yang menyebabkan sesuatu kerugian itu berlaku " Kenyataan ini adalah berdasarkan prinsip \_\_\_\_\_.

- A klausa pengecualian
- B subrogasi
- C premium
- D uberimae fidei

19. Manakah antara berikut **BUKAN** perkongsian berdasarkan Akta Perkongsian 1961?

- A sepuluh orang rakan yang bersetuju untuk menjual pisang goreng dengan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan.
- B suami isteri yang nekad untuk membuka gerai nasi Kandar sebagai perniagaan keluarga.
- C dua orang pelajar UiTM memutuskan untuk menjual T-shirt dan seluar bagi tujuan amal.
- D dua orang peguam dan seorang akauntan yang bekerjasama menubuhkan sebuah firma pembinaan.

20. Selain syarikat, terdapat satu lagi organisasi perniagaan yang mempunyai entiti yang berasingan.

- A Milikan tunggal
- B Perkongsian
- C Perkongsian dengan liabiliti terhad
- D Pekedai runcit

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Keputusan kehakiman merupakan salah satu sumber undang-undang tidak bertulis di Malaysia. Ia juga dikenali sebagai *doktrin duluan mengikat* atau *doktrin stare decisis*. Huraikan bagaimana pemakaian doktrin ini di Malaysia.

(20 markah)

**SOALAN 2**

Menurut Akta Kontrak 1950, kontrak agensi boleh ditamatkan sama ada secara perbuatan pihak-pihak yang terlibat atau melalui kuat kuasa undang-undang. Terangkan penamatan agensi melalui perbuatan pihak-pihak yang terlibat.

(20 markah)

**SOALAN 3**

“...apabila seseorang pembeli membeli barang daripada seorang penjual yang bukan pemilik sebenar, pembeli tidak boleh memperolehi hak yang lebih baik daripada hak yang ada pada penjual tersebut...”: seksyen 27 Akta Jualan Barang 1957. Bincangkan peruntukan di atas.

(20 markah)

**SOALAN 4**

Mat yang membeli sebuah motosikal berkuasa tinggi daripada Menang Finance telah gagal menjelaskan ansuran selama dua bulan dan Menang Finance telah membuat pengambilan semula milikan motosikal tersebut. Jelaskan kepada Mat berkenaan dengan pemilikan semula barang oleh pemilik dan hak-hak penyewabeli selepas pengambilmilikan dibuat.

(20 markah)

**SOALAN 5**

Huraikan perlindungan yang diberikan oleh Akta Bil Tukaran 1949 kepada bank pemungut dan bank pembayar.

(20 markah)

**SOALAN 6**

Teras kepada satu pembentukan kontrak insurans ialah prinsip *uberrimae fidei* yang mementingkan sifat amanah dan saling mempercayai. Huraikan kenyataan ini dengan merujuk kepada kewajipan pendedahan dan fakta material dalam suatu kontrak insurans.

(20 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1) SOALAN WAJIB.**

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Bella merupakan kawan baik kepada Elyz. Sebelum berhijrah ke Melbourne, Bella meminjam wang daripada Elyz sebanyak RM6000. Semasa di Melbourne, Bella menghantar sebuah cek kepada Elyz. Cek tersebut berjumlah RM5000 dan mempunyai pesanan "sila terima cek berjumlah RM5000 sebagai wang penuh untuk semua hutang kepada anda". Keesokannya, Elyz ke bank untuk menunaikan cek tersebut. Walaubagaimanapun, selepas enam bulan berlalu, Elyz menghantar suatu notis tuntutan untuk menuntut baki hutang daripada Bella. Nasihatkan Bella.

Jawapan anda perlulah disokong dengan kes-kes dan seksyen-seksyen yang berkaitan.

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

